

SIARAN MEDIA BERSAMA



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM KESEDARAN PEMBANGUNAN INTEGRITI BERSAMA KOMUNITI (CIB) PERINGKAT DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (DBKU)

ANJURAN BERSAMA

**INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)
DAN
UNIT INTEGRITI DAN OMBUDSMAN NEGERI SARAWAK (UNIONS)**

Kuching (Sarawak), 15 Oktober 2022: Majlis Pelancaran Program Kesedaran Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) peringkat Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) telah disempurnakan oleh YB. Datuk Dr. Juanda Jaya, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Integriti dan Ombudsman) serta disaksikan oleh YBhg. Datuk Wan Suraya Binti Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia (IIM) dan YBhg. Datu Haji Junaidi Bin Haji Reduan, Datuk Bandar Kuching Utara.

Pelaksanaan program CIB di Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) telahpun digerakkan sejak 18 Ogos 2022 dan sehingga kini telah berjaya menyelesaikan tujuh (7) kes aduan hasil penglibatan aktif Jawatan Kuasa Khas CIB (Pemantau) dan komuniti setempat dalam menyalurkan aduan kepada saluran CIB melalui Kumpulan Kerja Bersama (JWG) CIB yang dilantik oleh IIM dan DBKU.

Aduan yang diterima meliputi isu-isu setempat seperti masalah rumput, longkang dan kerosakan jalan. Ia sekaligus dapat meningkatkan amalan dan pembudayaan integriti di peringkat penyampaian perkhidmatan serta mengenalpasti tindakan penyelesaian yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak berkepentingan.

Demi memastikan kelestarian Program CIB ini seterusnya, mulai tahun hadapan pihak IIM akan mengadakan beberapa Siri Bengkel Latihan *Training of Trainers* (ToT) kepada pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta melibatkan pelbagai pihak termasuk Pembekal Perkhidmatan (Kontraktor), Pegawai Awam PBT dan Ahli Jawatankuasa Khas Program CIB bagi melebarluaskan konsep pendekatan CIB terutamanya melibatkan skop pelaksanaan dan kadar penyelesaian terhadap kualiti perkhidmatan sampah, longkang dan rumput (SLR), struktur jalan, sistem perparitan dan juga landskap.

Program rintis CIB yang bermula sejak bulan Julai 2022 ini melibatkan empat (4) residensi terpilih di Sarawak iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Perbandaran Sibu (MPS), Majlis Daerah Limbang (MDL) dan Majlis Daerah Matu-Daro (MDMD). Malah, Program CIB juga dilihat berupaya memberi impak positif kepada komuniti setempat khususnya dalam merubah sikap komuniti menjadi lebih bertanggungjawab, di mana prinsip integriti perlu diterapkan dari rumah.

Inisiatif ini juga dapat membantu merealisasikan pencapaian kebolehlaksanaan insiatif Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dalam melahirkan masyarakat dan komuniti yang mempunyai nilai-nilai amalan integriti yang tinggi. Kejayaan program rintis ini seterusnya diharap akan dapat diteruskan dan diperkembangkan kepada kawasan-kawasan PBT lain di seluruh Malaysia.

Disediakan secara bersama oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Unit Integriti dan Ombudsman Negeri Sarawak (UNIONS)

Untuk sebarang pertanyaan media, sila emel komunikasi@integriti.my atau ukas@sarawak.gov.my